

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SELANGOR KINI  
TARIKH / HARI : 17 FEBRUARI 2017 (JUMAAT)

## Mohon permit sebelum gantungan iklan

**SHAH ALAM** - Orang ramai yang ingin mengiklankan produk, barangan dan perkhidmatan perlu mendapatkan permit sementara daripada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sebelum menggantung atau memasang sepanduk.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, ingatan sama turut diberikan kepada mereka yang berhasrat menguar-uarkan penganjuran aktiviti dan program.

Katanya, sepanduk dan 'bunting' tanpa kebenaran mencatatkan pemandangan selain mengelirukan pengguna jalan raya kerana iklan ditampal atau dipasang menutup papan tanda arah jalan.

"MBSA ingin mengingatkan orang ramai khususnya syarikat dan individu supaya mendapat-

kan kebenaran terlebih dahulu sebelum membuat pemasangan iklan.

"Kami juga memohon kerjasama seluruh lapisan masyarakat untuk memastikan bandar raya Shah Alam sentiasa bersih, indah dan sejahtera," katanya.

Shahrin berkata, sebanyak 252,698 iklan tanpa kebenaran ditanggalkan MBSA sepanjang tahun lalu antaranya pinjaman wang, sewa lori, pusat tuisyen, lelong rumah dan perubatan tradisional.

"Pemasangan iklan tanpa kebenaran satu kesalahan di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil Iklan (MBSA) 2007. Pada masa sama, MBSA sentiasa mengadakan operasi menurunkan iklan tanpa kebenaran sebelah pagi dan petang untuk menangani masalah ini," katanya.